

87

NO. SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD [LIPIS]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10290

SOALAN :

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah keselamatan bagi memastikan penggunaan senjata api dalam kalangan Ahli RELA diperkemas memandangkan banyak kes tertembak sesama sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri memandang serius insiden tertembak diri sendiri ataupun sesama sendiri yang melibatkan penggunaan senjata api oleh anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) termasuk kes-kes melibatkan kemalangan jiwa. RELA telah mengambil langkah-langkah berikut untuk memperkemas penggunaan senjata api:

- a) pelaksanaan Garis Panduan Penggunaan Senjata Api RELA telah ditambah baik mulai 2 Oktober 2017 dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) melalui beberapa siri bengkel;
- b) meningkatkan kemahiran dan penggunaan senjata api oleh Pegawai dan Anggota RELA melalui modul latihan senjata api yang telah dikemas kini; dan
- c) penubuhan pasukan naziran yang terdiri daripada pegawai Ibu pejabat RELA, RELA Negeri dan Pusat Latihan RELA Malaysia mulai Oktober 2017. Pasukan ini akan membuat naziran senjata api di seluruh Malaysia bagi memastikan prosedur penyimpanan dan penggunaan senjata api dipatuhi.